

Pertukaran kawasan jika boleh menang — Ling

MELAKA 13 Nov. — Pertukaran kawasan antara MCA dan parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) yang lain hanya akan dilakukan sekiranya ia mampu memberi kemenangan kepada BN pada pilihan raya umum ini.

Pengerusi MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik bagaimanapun menjelaskan, jikapun ada

pertukaran kawasan antara parti komponen BN, jumlahnya adalah terlalu kecil.

“Jika kita merasakan MCA akan menang tetapi Gerakan akan kalah di sesuatu kawasan, maka kita akan bertukar kawasan,” katanya pada sidang akhbar sebelum mempengerusikan mesyuarat MCA negeri di sini, petang ini.

Bagaimanapun, kata Dr. Ling, keputusan muktamad berhubung pertukaran kawasan itu adalah bergantung kepada persetujuan Pengerusi BN, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Namun, katanya, semasa mengumumkan pembubaran Parlimen baru-baru ini, Perdana Menteri telah menegaskan bahawa nisbah ka-

wasan yang ditandingi setiap parti komponen BN adalah kekal seperti pada pilihan raya umum yang lepas.

“Apa yang diputuskan oleh Perdana Menteri, kita akan terima kerana kita memegang prinsip untuk meletakkan calon yang sesuai dari parti yang sesuai di kawasan yang sesuai supaya calon BN boleh menang,” katanya.